

19 MAY 2000

RAMOS-EAEC

PERUNDINGAN EKONOMI ASIA TIMUR AKAN MENJADI KENYATAAN, KATA FIDEL RAMOS

WASHINGTON, 19 Mei (Bernama) -- Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) satu ide yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedang menuju untuk menjadi satu kenyataan walaupun terdapat bantahan daripada Amerika Syarikat, bekas presiden Filipina, Fidel Ramos, berkata di sini Rabu lalu.

Negara-negara Asean dengan China, Korea dan Jepun nampaknya amat ghairah terhadap perkumpulan itu, dan satu kumpulan "Wawasan Asia Timur" sedang dipanggil kerana saranan Presiden Korea Kim Dae-Jung untuk mengusahakan ide itu sepanjang tahun ini dan tahun depan, Ramos memberitahu persidangan tiga hari dipanggil Forum Global 2000 yang dianjurkan oleh Economic Strategy Institute selaku tuan rumah.

EAEC merupakan usaha berterusan Asean untuk mengimbangkan tiga peringkat tempat saling bergantung global -- Eropah, Asia Timur dan Amerika Utara, beliau berkata pada penutup persidangan itu yang dirasmikan Isnin lalu.

"Sebuah perkumpulan ekonomi Asia Timur akan juga mempunyai kebaikan iaitu membendung ekonomi China yang cergas di dalam keadaan serantau yang lebih besar," tambahnya.

Perkumpulan seumpama itu adalah lebih penting lagi untuk menyatukan pasaran-pasaran bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi di rantau Asia Timur yang lebih bnesar dengan kegagalan Pertubuhan perdagangan Dunia di Seattle untuk mengimbangi kepentingan negara-negara kaya dan miskin, tambahnya.

Jabatan Perdagangan AS menganggarkan bahawa menjelang tahun 2010, Asean sahaja akan mempunyai KDNK sebanyak AS\$1.1 trilion, hampir kepada tiga kali KDNKnya pada 1995. Pada ketika itu, eksport AS ke Asean akan sama -- atau melebihi -- eksportya ke China atau Jepun.

Sementara itu, perdagangan di dalam Asia Timur sedang berkembang pesat. Pada 1997, eksport Asean ke Asia Timur Laut berkembang sebanyak 30 peratus -- melebihi eksport Asean ke AS (20 peratus) dan Kesatuan Eropah (15 peratus).

Sinergi yang kian berkembang di dalam ekonomi-ekonomi Asia Timur Laut dan Tenggara akan mengukuhkan pengaruh Asia Timur di dalam ekonomi dunia dan langkahnya ke arah kerjasama politik, tambah Ramos. -- BERNAMA

SH SA OS